

Penyakit misteri punca utama kematian paus

UB 08-08-2012 A2

Oleh S.CONNIE PEARL SUIL
conypearl09@gmail.com

KOTA KINABALU: Kajian yang dilakukan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) mendapati insiden paus mati terdampar di perairan Kuala Penyu baru-baru ini disebabkan penyakit misteri.

Pengarah Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) UMS, Prof Dr Saleem Mustafa berkata berdasarkan pemerhatian yang dijalankan IPMB, didapati ikan paus itu tidak mampu berenang kerana terlalu lemah.

“Ikan paus *Balaenoptera* dari kategori *Balaenoptera*



SALEEM (tengah) dan John (kiri) ketika sidang media itu.

seberat 10 tan dan panjang kira-kira 16 meter itu kelihatan lemah dan tidak mampu berenang walaupun terdapat usaha menyelamatkan dengan menariknya ke kawasan air yang lebih

dalam.

“Faktor lain, seperti kelemahan yang ekstrem serta usia tua juga merupakan antara penyumbang kepada kematian ikan paus itu,” katanya pada sidang media

mengenai penemuan saintifik ikan paus yang mati di perairan Kuala Penyu, di sini kelmarin.

Menurut Saleem, paus yang terdampar di negeri ini bukan sesuatu yang baru kerana kes seperti itu pernah dilaporkan beberapa kali pada masa yang lalu.

“B a g a i m a n a p u n , kebanyakan usaha untuk menyelamatkan ikan paus terdampar tidak berjaya... banyak yang mati akibat mengalami penyahhidratan, kecederaan dalaman akibat ketidakupayaan menyokong berat badan apabila keluar daripada air.

“Selain itu, kematian juga berpunca akibat lemas apabila

lubang hembus mamalia ini tersumbat akibat dipenuhi air terutamanya ketika air pasang,” jelasnya.

Sementara itu, Pensyarah IPMB, Dr John Madin berkata berbanding negeri lain, Sabah merupakan negeri yang mencatat peratusan tertinggi dalam kes mamalia terdampar seperti paus.

“Dianggarkan berpuluh-puluh kes seperti itu telah berlaku sejak pertama kali ia direkodkan pada tahun 1970-an,” katanya.

Tambahnya, berdasarkan penemuan terbaru, ikan paus juga mampu mengelilingi perairan di seluruh dunia iaitu kira-kira 400 juta kilometer sepanjang hayatnya.